

UUMONLINE: Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyarankan agar lebih ramai wakil rakyat negara ini melanjutkan pelajaran hingga ke pasca siswazah supaya dapat memainkan peranan lebih berkesan dan menjadi contoh kepada rakyat.

Beliau berkata, usaha ini sebagai satu usaha yang cukup murni kerana ia memperlihatkan komitmen dan iltizam wakil rakyat untuk menyambung pelajaran dan sekaligus dapat memberi teladan yang baik kepada rakyat untuk membudayakan ilmu sepanjang hayat tanpa mengira usia di samping ia dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran wakil rakyat dalam karier masing-masing.

"Jika sebelum ini, usaha kerajaan lebih tertumpu kepada menggalakkan orang ramai untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi, kini usaha ini lebih memberi makna kerana ia turut melibatkan golongan pemimpin seperti Ahli Parlimen.

"Tetapi tidak semestinya semua wakil rakyat mesti melalui benda yang sama (melanjutkan pelajaran). Kalau ada di kalangan mereka yang ingin meningkatkan ilmu, kita mengalu-alukan kerana ia selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berasaskan pengetahuan dan inovasi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program Khas Pasca Siswazah untuk Anggota Parlimen yang dikendalikan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Hotel Marriott Putrajaya, di sini, semalam.

Di majlis itu, Mohamed Khaled turut menyerahkan surat tawaran melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) kepada anggota-anggota Parlimen.

Mereka yang berkenaan ialah Datuk Halimah Mohd Sadique Ahli Parlimen Tenggara, Ir Hamim Samuri (Ledang), Datuk Noraini Ahmad (Parit Sulong), Datuk Abdul Rahman Bakri (Sabak Bernam), Datuk Ismail Abd Muttalib (Maran), Datuk Ismail Mohamed Said (Kuala Krau), Datuk Md Sirat Abu (Bukit Katil), Datuk Lilah Yasin (Jempol), Datuk Sapawi Amat Wasali@Ahmad (Sipitang) dan P.Kamalanathan (Hulu Selangor).

Ia turut disertai Anggota Parlimen dari Indonesia Asmawati Marzuki Alie, isteri Anggota Parlimen Sabak Bernam Datin Siti Aminah Hay Abdullah dan isteri Anggota Parlimen Kuala Krau Datin Nor Azimah Abd Mubin.

Mereka akan memulakan pengajian pada masa terdekat dalam pelbagai bidang pengkhususan termasuk politik, ekonomi, teknologi hijau dan pengurusan sumber manusia.

Mohamed Khaled juga meminta supaya anggota masyarakat tidak hanya berpuas hati dengan memiliki ijazah pertama, sebaliknya menanamkan usaha untuk melanjutkan pengajian hingga ke peringkat PhD kerana negara memerlukan masyarakat yang berilmu dan berpengetahuan tinggi.

Katanya ia selaras dengan hasrat kerajaan di bawah program MyBrain15 untuk menghasilkan seramai 60,000 pemegang PhD menjelang 2023.

"Usaha ini berterusan dalam tindakan kerajaan untuk melahirkan lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai tahap pendidikan yang tinggi seterusnya mencapai hasrat untuk membolehkan rakyat negara ini mempunyai pendapatan yang tinggi berdasarkan kepada pencapaian akademik mereka," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UUM Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak dalam ucapannya berkata, program khas tersebut merupakan satu-satunya program yang ditawarkan institusi pengajian tinggi awam di negara ini khusus untuk AnggotaParlimen.

"Program ini dirangka khusus bagi memenuhi jadual dan kekangan masa oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi melanjutkan pengajian pascasiswazah mereka.

Selain memberi peluang kepada wakil rakyat, UUM turut menyediakan peluang melanjutkan pengajian kepada golongan artis serta media," katanya.

Mohamed Mustafa menambah, sejak UUM ditubuhkan 27 tahun lalu, seramai 7,624 telah berjaya dilahirkan melalui program pascasiswazah UUM. Mereka terdiri daripada 214 graduan PhD dan 7,410 graduan sarjana.

"Bagi memastikan modal insan negara dilengkapi dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan strategik bagi menjadikan negara lebih berdaya saing, UUM kini mempunyai seramai 6,185 pelajar pascasiswazah yang sedang dalam pengajian terdiri daripada 1,372 mengikuti program PhD dan 4,813 mengikuti program Sarjana.

"Peningkatan jumlah pelajar pascasiswazah UUM selari dengan kehendak kerajaan dalam memenuhi Matlamat MyBrain 15 yang dirancang oleh pihak kementerian," katanya lagi.

Habis.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my